

**Raja Permaisuri Agong Terima Kunjungan Hormat Puspanita
Bernama
29 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah hari ini berkenan menerima kunjungan hormat Anggota Jawatankuasa Kerja Tertinggi Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) di Istana Negara di sini.

Rombongan sebanyak 10 anggota itu diketuai Yang Dipertua Puspanita, Puan Sri Rohani Abdullah.

Raja Permaisuri meluangkan masa selama sejam beramah mesra dengan anggota rombongan selain bertukar pandangan mengenai peranan dan tanggungjawab wanita negara ini dalam perkhidmatan awam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1034394>